

Pusat sembelihan ayam diarah tutup

Pemeriksaan DBKL dapati premis kotor juga beroperasi tanpa lesen

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebuah pusat sembelihan ayam dekat Kampung Cheras Baru, di sini diarah tutup serta-merta oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) awal pagi semalam selepas pemeriksaan mendapati ia beroperasi dalam keadaan kotor.

DBKL berkata, hasil operasi bersepadu jam 3 pagi itu, 21 petugas membabitkan Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Per-

niagaan DBKL mendapati ayam yang diproses di situ, didapati hanya diletakkan di atas lantai yang kotor.

“Selain itu, ada air sisa darah, tulang dan bulu dilepaskan terus ke longkang awam. Pusat sembelihan ini juga didapati tidak mempunyai loji rawatan air yang sesuai, manakala air yang diguna bagi membersihkan ayam juga tidak diganti secara berkala.

“Selain beroperasi tanpa lesen, semua pekerja yang terdiri dari warga asing juga didapati tidak mendapatkan suntikan tifoid dan tiada sijil pengendalian makanan,” katanya.

Tiga syarikat berbeza

Lokasi ini juga ini juga membabitkan tiga syarikat yang berbeza walaupun berada pada lokasi yang sama.

Susulan itu, DBKL mengeluarkan tiga notis perintah penutupan premis serta-merta mengikut Seksyen 28(1) Undang-



Petugas DBKL memeriksa pusat sembelihan ayam yang didapati kotor, termasuk ayam yang siap diproses diletakkan di lantai. (Foto ihsan FB DBKL)

undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan.

“Selain itu tiga kompaun mengikut Seksyen 47(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, dua kompaun Seksyen 23(3)(b) dan tiga kompaun Seksyen 33(3) UUK Pelesenan Petempatan Makanan

(WPKL) 2016 turut dikeluarkan kepada operator,” katanya.

DBKL juga akan merujuk kes itu kepada Jabatan Agama Islam, Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk tindakan susulan.